

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pembiayaan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN MIKRO iTEKAD BangKIT TUBF?

Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF (Tabung Usahawan Belia FELDA) ialah kemudahan yang direka khusus untuk usahawan mikro dalam kalangan belia dari keseluruhan tanah rancangan dan wilayah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang belum layak menerima pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari mana-mana institusi kewangan ("underbanked"), B40 atau asnaf yang ingin memulakan atau membangunkan perniagaan untuk menjana pendapatan berterusan.

Pelanggan yang layak memohon (seperti kriteria di bawah) dan terpilih akan mengikuti program latihan pembangunan perniagaan anjuran Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana yang dikenal pasti oleh Bank Islam:

1. Merupakan belia warganegara Malaysia dan pemilik perniagaan entiti tunggal atau perkongsiaan yang telah menjalankan perniagaan secara sepenuh masa. Semua pemilik perniagaan dan rakan kongsi mesti terdiri daripada anak/ cucu/ cicit /menantu kepada peneroka FELDA sahaja;
2. Memenuhi definisi perusahaan mikro oleh SME Corporation Malaysia;
3. Perbadanan PKS yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/ pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan profesional;
4. Perniagaan telah beroperasi minimum 6 bulan;
5. Usahawan mikro berumur antara 18 hingga 45 tahun pada tarikh permohonan; dan
6. Mengemukakan pelan perniagaan dengan menunjukkan aliran tunai positif untuk membayar semula pembiayaan.

Sepanjang tempoh program, pelanggan diminta untuk menerapkan semangat sedekah dan disarankan untuk memberikan sedekah kepada dana Sadaqa House yang disediakan oleh Bank Islam serta digalakkan untuk menunaikan Solat Dhuha dan membaca Surah Waq'ah setiap hari (bagi Pelanggan yang beragama Islam).

Kontrak Syariah yang terpakai adalah Qard (pinjaman) di mana pemberi pinjaman (Bank) memberikan pinjaman kepada peminjam (Pelanggan) dan peminjam terikat untuk membayar balik jumlah penggantian yang setara kepada pemberi pinjaman.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun pembiayaan anda = **RM30,000.00**
 - Ansuran bulanan anda = **RM500.00**
 - Tempoh pembiayaan anda = **5 tahun (60 bulan)**
- Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak RM30,000.00 pada akhir 60 bulan.**

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

Tiada.

Jika anda berhasrat menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

Anda boleh membuat bayaran lebih atau menyelesaikan pinjaman sebelum tamat tempoh pembiayaan tanpa dikenakan apa-apa caj.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan secara penuh selama **60 bulan**. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

Kami boleh meminta pembayaran segera untuk jumlah tertunggak daripada anda melalui notis bertulis.

4 SYARAT UTAMA LAIN

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu, pemilik tunggal dan perusahaan kecil dan sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh:

CONFIDENTIAL